



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 30 MAC 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAFI PASTIKAN BEKALAN MAKANAN ASAS SENTIASA STABIL, BERITA HARIAN - ONLINE FGVIF DAN BERNAS BERKOLABORASI PERKUKUH INDUSTRI BERAS WANGI, SINAR HARIAN -ONLINE AGRICULTURE LANDOWNERS URGED TO JOIN SMART SBB, NATION/NEWS, NST -5 INDUSTRI AGROMAKANAN NEGARA DIJANGKA RANCAK, NASIONAL, BERITA HARIAN -8 BEKALAN BERAS NEGARA CUKUP UNTUK RAKYAT, NEGARA, KOSMO -6 PEMBUKAAN SEMPADAN RANCAK INDUSTRI AGROMAKANAN, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA -34	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8.	ROTTING FISH ON MELAKA BEACH DISCARDED BYCATCH, SAYS DEPT, NEWS/NATION, THE STAR -10 PRAWN FRY RELEASED INTO SG TEKAM TO INCREASE POPULATION, NEWS, THE STAR- 4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11.	100 DRON PERKASA SEKTO PERTANIAN DI KELANTAN. LOKAL, HARIAN METRO -12 100 DRON PERKASA PERTANIAN KELANTAN, NEGERI KELANTAN, SINAR HARIAN - 25 50 TAHUN KADA UTUH BERSAMA PETANI, NASIONAL, SINAR HARIAN -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
12.	MARDI BAKAL BAWA MASUK 3 VARIETI JAGUNG ARGENTINA, NASIONAL, BERITA HARIAN -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13. 14. 15. 16. 17.	RM1 JUTA BANTU PETANI, PENTERNAK TERJEJAS BANJIR, NEGERI TERENGGANU. KELANTAN, SINAR HARIAN -26 PERTINGKAT INDUSTRI TENUKU TEMPATAN, BISNES, HARIAN METRO -22 ANGKARA NELAYAN, LOKAL, HARIAN METRO -9 PPK KUALA LANGAT MENANG PROJEK PENGURUSAN HIJAU TERBAIK, NIAGA, KOSMO -38 KEBUN KITA TINGKAT HASIL INDUSTRI TANI DAN TERNAK, GAYA KAMPUS, UTUSAN MALAYSIA -28	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI PASTIKAN BEKALAN MAKANAN ASAS SENTIASA STABIL



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) menurunkan tandatangan sebagai simbolik perasmian pelancaran awal produk beras wangi Malaysia Sajian Aroma di Kilang Bernas BERNAS Seri Tiram Jaya, hari ini. - Foto AMIRUL AIMAN HAMSUDDIN

TANJONG KARANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited memastikan bekalan makanan asas khususnya beras sentiasa stabil, walaupun berdepan pelbagai cabaran termasuk cuaca tidak menentu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pada tahun lalu negara mencapai 63 peratus bagi pengeluaran beras berbanding sasaran sebanyak 70 peratus.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan rakyat tidak perlu bimbang akan berlakunya gangguan bekalan beras negara. "Negara masih mampu mengeluarkan (beras) walaupun sasarannya adalah 70 peratus dan tahun lalu, kita berjaya mencapai 63 peratus daripada keperluan negara (walaupun ada sekatan dan gangguan).

"Melalui Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), kita masih mendapat bekalan yang konsisten kerana BERNAS mempunyai hubungan perniagaan dengan pihak pengeksport daripada luar. "Kita harap rakyat tidak perlu risau akan bekalan beras negara," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pertukaran dokumen memorandum (MOC) FGVIF-BERNAS dan pelancaran awal produk beras wangi Malaysia Sajian Aroma di Kilang Bernas BERNAS Seri Tiram Jaya, di sini.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Azman Mahmood.

Pada majlis sama, Ronald turut melancarkan produk di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) iaitu beras wangi Malaysia Saji Aroma yang bakal dijual di pasaran, mulai Mei ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, menerusi program itu pelbagai usaha dijalankan di peringkat domestik untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras ke tahap lebih tinggi. "Program ini dapat mengurangkan kebergantungan negara untuk mengimport beras dari luar selain mampu meningkatkan pendapatan pesawah. "Dengan pendekatan ini, kita berharap lebih ramai pesawah untuk terlibat dalam program SMART SBB di bawah beberapa syarikat peneraju yang dilantik oleh kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

FGVIF DAN BERNAS BERKOLABORASI PERKUKUH INDUSTRI BERAS WANGI



Ronald (dua dari kanan) dan Nik Muhammad Zawawi (kanan) menyampaikan Anugerah Hasil Tertinggi Purata melebihi 5 hektar kepada Azaman Hassan.

TANJUNG KARANG - FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) telah menandatangani Memorandum Kolaborasi (MoC) dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebagai langkah strategik untuk mengukuhkan industri beras wangi negara.

Majlis menandatangani MoC yang berlangsung pada Selasa di Kilang Beras Bernas Seri Tiram Jaya, di sini turut disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

BETTER YIELDS

Agricultural landowners urged to join Smart SBB

KUALA SELANGOR: Agricultural land developers, including corn growers, have been urged to join the Large-Scale Smart Padi Field (Smart SBB) programme.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande said collaborations with the government's leading companies would result in better yields for the country, which would lead to reduced dependency on imported agricultural products.

"These agricultural land owners should take part in Smart SBB. This is crucial to take the industry to a higher level and reduce dependency on imports.

"This applies not only to padi plantations, but also corn growers. Similar large-scale plantations can be done via collaborations with the companies."

Khande said this after witness-

ing the signing of a memorandum of collaboration (MoC) between FGV Holdings Bhd (FGV), through its subsidiary, FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd and Padiberas Nasional Bhd (Bernas) at the Bernas Padi Complex here yesterday.

The MoC was signed by FGV Integrated Farming head Abdul Razak Yahya and Bernas farm management head Northisham Abdul Rahman.

The collaboration, part of the implementation of Smart SBB, aimed to strengthen the fragrant rice industry.

The partnership also aimed to look into the potential of research and development growth in the industry, explore by-product activities for animal feed and leverage each other's distribution and logistics capabilities.

Khande also launched the SAJI Aroma fragrant rice, which was produced by farmers in Barat Laut Selangor and Seberang Perak using the MRQ76 seeds.

It is one of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute's top fragrant rice varieties and is known for quality, taste and high yield. The new rice variety will be available in the market from May.

On rice supply, Khande said the country's self-sufficiency level was at 63 per cent.

Malaysia, he said, still depended on imported rice, mainly from Vietnam, Thailand, Cambodia, India and Pakistan.

He said the ministry aimed to attract more private investments to make the padi and rice sub-sector more dynamic and competitive.



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande (centre) launching the SAJI Aroma fragrant rice in Kuala Selangor yesterday. With him are his deputy (II) Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (left) and FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd head Abdul Razak Yahya. PIC BY GENES GULITAH

The ministry, he added, intended to develop padi cultivation areas in stages with a target of 300,000ha, by increasing the national average yield per hectare to seven metric tonnes during the 12th Malaysia Plan. It also aimed to increase the income of the programme's target group, especially farmers, via the Smart SBB initiative. **By Mohamed Basyir and Faustina Hii**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Industri agromakanan negara dijangka rancak

Tanjong Karang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berharap pembukaan semula sempadan negara pada 1 April ini akan merancakkan lagi industri agromakanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya yakin pembukaan itu akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang ketika ini memasuki fasa 'Peralihan ke Endemik'.

"Kalau dahulu (ketika pandemik), ada sekatan outlet (kedai makan), hotel dan restoran.

"Namun, pembukaan semula sempadan negara dijangka menerima kehadiran lebih ramai pelancong, ia secara tidak langsung merancakkan lagi sektor agromakanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas ma-

jlis pertukaran dokumen memorandum (MOC) FGVIF-BERNAS dan pelancaran awal produk beras wangi Malaysia Sajian Aroma di Kilang Bernas BERNAS Seri Tiram Jaya, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Azman Mahmood.

Pada 8 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan sempadan negara akan mula dibuka pada 1 April ini.

Ismail Sabri dipetik berkata, keputusan itu bersandarkan kepada tiga perkara asas iaitu berpandukan sains dan fakta terkini berkaitan COVID-19, membandingkan keperluan pembukaan sempadan di negara-negara lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	KOSMO	NEGARA	6



RONALD (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen MOC antara FGV dengan Bernas di Kilang Beras Bernas Seri Tiram Jaya, Tanjong Karang di Kuala Selangor semalam.

Tiada gangguan akibat sekatan, cuaca tak menentu

Bekalan beras negara cukup untuk rakyat

Oleh NORHAYATI YAHAYA

KUALA SELANGOR – Bekalan makanan asas negara khususnya beras berada pada tahap stabil walaupun berdepan sekatan dan gangguan termasuk keadaan cuaca tidak menentu akhir-akhir ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, setakat ini tiada gangguan bekalan beras dengan pengeluaran beras negara pada tahun lalu adalah 63 peratus.

"Orang ramai tidak perlu bimbang terhadap bekalan beras negara. Walaupun sasaran awal pengeluaran adalah 70 peratus,

namun kita berjaya keluarkan 63 peratus dan masih mendapat bekalan beras konsisten walaupun ada gangguan dan sekatan.

"Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mempunyai hubungan perniagaan dengan pihak pengeksport dari luar, jadi itu yang dilakukan dan rakyat Malaysia tidak perlu risau," katanya pada sidang akhbar semalam.

Terdahulu, beliau menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Kolaborasi (MOC) antara dua syarikat peneraju di bawah program Sawah Berskala Besar (SMART SBB) iaitu FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. (FGV) dengan Bernas di Kilang Beras Bernas Seri Tiram Jaya, di

sini.

Pada majlis itu, Ronald turut melancarkan produk di bawah program SMART SBB iaitu beras wangi Malaysia Saji Aroma yang bakal dijual di pasaran bermula Mei-depan.

Mengulas lanjut, ujarnya, pelbagai usaha dibuat di peringkat domestik khususnya menerusi program SMART SBB bagi meningkatkan hasil pengeluaran beras ke tahap lebih tinggi.

"Perkongsian (FGV dan Bernas) ini penting kerana mampu meningkatkan pendapatan pesawah dan meningkatkan produktiviti selain mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah," katanya.

Pembukaan sempadan rancak industri agromakanan



RONALD KUANDEE (dua kanan) menyerahkan replika cek kepada **I. Ganaisson** (kiri) yang menerima Anugerah Pesawah Jaya FGV 3FR Hasil Tertinggi di Kilang Beras Bemas Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang di Kuala Selangor, Selangor semalam.

KUALA SELANGOR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berharap pembukaan semula sempadan negara pada 1 April ini akan merancakkan lagi industri agromakanan negara.

Memerinya, Datuk Seri Ismail Khande berkat, pihaknya yakin pembukaan itu akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang ketika ini memasuki fasa peralihan ke endemik.

"Kalau dahulu (ketika pandemik), ada sekatan kepada outlet (kedai makan), hotel dan restoran. Namun, dengan pembukaan semula sempadan negara yang dijangka menerima kehadiran lebih ramai pelancong dari luar, ia secara tidak langsung merancakkan lagi sektor agromakanan," katanya pada sidang akhbar semalam.

Beliau sebelum itu menyakiti kan pertukaran dokumen memorandum (MOC) FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. (FGV) dengan Bemas di Kilang Beras Ber-

nas Seri Tiram Jaya.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Azman Mahmood.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 8 Mac lalu mengumumkan sempadan negara akan mula dibuka pada 1 April ini.

Ismail Sabri dipetik berkat, keputusan tersebut bersandarkan kepada tiga perkara asas iaitu berpandukan sains dan fakta terkini berkaitan Covid-19, membandingkan keperluan pembukaan sempadan di negara-negara lain dan memberi keselesaan kepada pengembara dengan tidak merumitkan perjalanan mereka.

Menerusi pembukaan itu juga katanya, rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan sah boleh keluar masuk negara seperti biasa dan dibenarkan ke negara yang turut membuka pintu sempadan kepada pengembara luar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	NST	NEWS/NATION	10



The Melaka Fisheries Department says the ikan tamban pias were discarded as they had no market value. PIC BY HASSAN OMAR

POLLUTION NOT THE CAUSE

Rotting fish on Melaka beach discarded bycatch, says dept

MASJID TANAH: The state Fisheries Department has denied that pollution was why rotting fish were strewn along 2km of coast between Sungai Tuang and Telok Gong.

The department said the *ikan tamban pias* (flatfish) were discarded by fishermen as they had no market value.

"The fish were found on the beach with their mouths open, and we believe it was due to being caught in nets.

"Since there were too many fish

tangled in the net, fishermen discarded them, and the fish were carried back by the waves to the shore," department director Mohd Fauzi Salehon said yesterday.

On Monday, residents complained of the stench of rotting fish on the beaches.

Fauzi said the fish were believed to have been discarded one or two weeks ago.

Checks yesterday found fewer rotten fish on the beaches as some had been washed away by the tide.

Prawn fry released into Sg Tekam to increase population

THE Johor Fisheries Department is embarking on an initiative to increase the population of *udang galah* (giant freshwater prawns) in the state's rivers.

Department director Zainudin Abdul Wahab said some 100,000 giant freshwater prawn fry worth RM20,000 were released into rivers.

"We are making efforts to increase the species through various methods including by releasing the fry," he said at an event at the Fishermen's Jetty in Sungai Tekam, Segamat.

He joined other state Fisheries Department directors to release fish fry nationwide on March 24 to increase the freshwater fish population.

Zainudin said the increase in the fish population and other freshwa-



Johor Fisheries Department employees releasing *udang galah* fry into Sungai Tekam in Segamat.

ter animals would also improve food security.

"Through our efforts, we hope inland fishermen can still enjoy a bountiful catch," he said.

He assured that only native

species were released into local waterways, noting that foreign fish species were more aggressive and their introduction could lead to the

extinction of native species.

He reminded those who keep foreign fish species to refrain from releasing them into the river. — By ZAZALI MUSA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

100 dron perkasa sektor pertanian di Kelantan

Kota Bharu: Sebanyak 100 unit dron digunakan untuk memperkasakan sektor pertanian di Kelantan selaras dengan Teknologi Evolusi Industri 4.0 dalam usaha membantu golongan petani.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, dron berkenaan digunakan untuk menyembur racun serangga dan membaja.

Katanya, sebanyak 80 dron dikendalikan Lembaga Kemajuan Pertanian Kumbungu (Kada), manakala dua unit sedang diusahakan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, satu dron besar milik kumpulan pertanian dan selebihnya petani.

“Kesemua dron yang digunakan oleh jabatan pertanian, pemilik dron, syarikat dan agensi untuk pertanian di negeri ini adalah yang terbaik.

“Kerajaan juga menganjurkan kursus pengendali dron kepada petani supaya mereka mempunyai lesen untuk mengendalikan sendiri dron.

“Kita berharap dapat memberikan lesen mengendalikan dron kepada petani,” katanya dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-14 Penggal Kelima di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan dikemukakan oleh Mohd Syahbuddin Hashim (BN-Galas).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	25

100 dron perkasas pertanian Kelantan

KOTA BHARU - Sebanyak 100 unit dron digunakan dalam memperkasakan dan meningkatkan hasil daripada sektor pertanian di Kelantan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, selaras dengan Teknologi Evolusi Industri 4.0, teknologi canggih itu digunakan untuk menabur baja dan menyembur racun serangga.

Katanya, 100 dron tersebut termasuk 80 unit yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), dua dalam usaha untuk digunakan oleh Jabatan Pertanian negeri Kelantan manakala satu dron besar milik kumpulan petani serta selebihnya kepada para petani. "Kerajaan menganjurkan kursus pe-

ngendali dron kepada petani supaya mereka ini mendapat kemahiran dan lesen untuk mengendalikan sendiri dron.

"Teknologi dron yang digunakan ini adalah yang terbaik untuk meningkatkan hasil pertanian," katanya dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-14 Penggal Kelima, di sini, pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Mohd Syahbuddin Hashim (BN - Galas).

Tuan Mohd Saripudin berkata, usaha pendigitalan sektor pertanian menggunakan aplikasi dron itu dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja, baja dan racun pada tanaman serta menjimatkan kos.

"Langkah ini sangat membantu petani yang mengusahakan projek pertanian yang berskala besar," katanya.



Tuan Mohd Saripudin (tengah) ketika melawat ke ladang cili hijau di Kuala Krai yang menggunakan kaedah dron.

50 tahun KADA utuh bersama petani

Agensi yang berusaha meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosio ekonomi lebih 7,700 golongan petani

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

Meniti usia 50 tahun kewujudan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memahat sejarah penting dalam industri pengeluaran padi negara.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, bertitik tol kepada usaha meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosio ekonomi lebih 7,700 golongan petani mendorong KADA komited memperjuangkan kemajuan sosial dan ekonomi kumpulan itu terutama di enam jajahan seliaan KADA di Kelantan.

"Walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran, KADA sejak penubuhannya pada 30 Mac 1972 berusaha keras meningkatkan pendapatan golongan petani khususnya dari usahawan industri asas makanan.

"KADA juga berfungsi menjaga kesejahteraan masyarakat tani di kawasan seliaan KADA sekali gus memperkembangkan dan memajukan sektor penanaman padi negara secara keseluruhannya," katanya ketika ditemui Sinar Harian di Pejabat KADA di Lundang, di sini pada Rabu.

Beliau dan seluruh warga KADA juga berpegang teguh pada misi dan visi penubuhan KADA dalam membantu golongan sasar di negeri ini.

"KADA ditubuhkan bertujuan merancang dan mengusahakan kawasan KADA dengan pelbagai kemajuan pertanian dalam usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi petani serta peningkatan pengeluaran makanan negara terutama di dalam pengeluaran padi dan beras bagi menampung keperluan beras negara.

"KADA turut menjadi pengeluar bahan makanan lain selain padi bagi memenuhi permintaan dan menampung keperluan makanan negara di samping membangunkan industri tempatan menerusi pelbagai bidang di



Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (kanan) berucap ketika perasmian penubuhan KADA pada 2 Mac 1973.

keseluruhan rantaian perikanan seperti agro pelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliran," katanya.

Menurutnya, sebagai sebuah agensi kerajaan, KADA turut berfungsi untuk membangunkan dan memperteguhkan institusi peladang bagi menaungi keluarga tani selain berusaha meningkatkan pendapatan perkapita.

"Sebagai agensi peneraju dalam bidang agro makanan, KADA terus berusaha melahirkan golongan sasar yang berpendapatan tinggi dengan terus menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti, efisien, berteknologi dan berintergriti serta meneroka pasaran dalam dan luar negara dalam membantu meningkatkan pendapatan petani di kawasan seliaan KADA.

"Usaha yang mapan menjadikan KADA sebagai badan utama dalam pengeluaran agro makanan di samping dapat meningkatkan keupayaan petani dan usahawan tani agar lebih berdaya saing dan inovatif," katanya.

Berkongsi cabaran masa kini yang dihadapi KADA, katanya, adalah masalah bekalan air yang berlaku disebabkan Kelantan tidak mempunyai empangan berbanding kawasan penanaman padi yang lain.

"Kawasan KADA hanya mengharapkan sumber air semulajadi iaitu Sungai Kelantan



NIK ROSLAN IDRIS

manakala tiba musim kemarau akan memberikan kesan yang teruk kepada petani.

"Masalah lain ialah kehilangan kawasan tanaman disebabkan beberapa faktor seperti penukaran status kawasan tanah pertanian kepada komersial dan pembinaan kediaman.

"Walau bagaimanapun, KADA tetap berusaha membantu golongan sasar sebaik mungkin dengan melakukan pelbagai inisiatif seperti pengalihan pam mudah alih dan pembinaan telaga tiub kepada lebih 7,700 petani di kawasan seliaan KADA dengan jumlah kawasan tanaman padi berjumlah 26,833 hektar berbanding 10,000 hektar pada awal penubuhan KADA," katanya.

Beliau berkata, selari hasrat Kementerian Pertanian dan



Rumah Pam Kemubu Utama yang membekalkan air ke Rancangan Pengaliran Kemubu (RPK) di bawah kuasa pengendalian KADA.

Industri Makanan (MAFI) bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara, pelbagai program dan pendekatan baharu akan dirangka bagi meningkatkan pengeluaran serta memastikan bekalan padi mencukupi dan menepati piawaian.

"KADA akan terus membangunkan dan memberi tumpuan penuh kepada sektor penanaman padi di samping mengulaulahkan usaha transformasi dalam sektor ini bagi memastikan pembangunan sektor tanaman padi yang berterusan selaras dengan hasrat untuk menjayakan agenda Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara.

"KADA seterusnya memberikan bimbingan kepada hampir 2,000 usahawan dalam pelbagai bidang industri asas makanan dan komited dalam memastikan segala aspek keperluan petani dan usahawan bimbingan KADA dipenuhi," katanya.

INFO

- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ditubuhkan pada 30 Mac 1972 melalui Akta 69 Akta Lembaga Pertanian Kemubu 1972 dengan dirasmikan oleh Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pada 2 Mac 1973.

- Selepas KADA diwujudkan, Kerajaan Negeri Kelantan pula menyusul tindakan dengan meluluskan Enakmen Pihak Berkuasa Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Enakmen nombor 2 Tahun 1972 Kelantan) yang membolehkan Menteri Pertanian dan Perikanan melaksanakan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 mulai 1 Ogos 1972.

- Nama Kampung Kemubu terletak di lebuh Sungai Kelantan iaitu 30 kilometer dari Kota Bharu diabadikan dalam liputan sejarah KADA.

- Di situlah terbina sebuah rumah pam membekalkan air ke Rancangan Pengaliran Kemubu (RPK) iaitu rancangan terbesar dalam guaman rancangan-rancangan pengaliran lain yang dipersekut di bawah kuasa pengendalian KADA.



Nik Roslan (tengah) mengadakan lawatan ke kilang penghasilan batik.



Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor (tengah) ditemani Nik Roslan (kanan) melawat ke kawasan sawah padi di kawasan seliaan KADA.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

MARDI bakal bawa masuk 3 varieti jagung Argentina

Tanaman dijangka mampu bertahan dengan cuaca Malaysia

Oleh Niah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dijangka membawa masuk sekurang-kurangnya tiga varieti jagung dari Argentina untuk menyokong landskap pertanian baharu negara, yang menumpukan pada pengeluaran jagung bijian besar-besaran pada masa hadapan.

Varieti jagung jenis P4546, P3682 dan DK9978C, yang subur di negara Amerika Latin itu difahamkan menjadi pilihan utama MARDI untuk diberi perhatian dalam sektor pertanian negara selepas beberapa calon varieti jagung tidak mencapai piawalan dalam penyelidikan.

Difahamkan, tiga varieti itu dipilih berikutan kesesuaiannya untuk ditanam secara meluas di Malaysia dan lebih penting, mampu menjadi antara sumber penting dalam pemprosesan makanan unggas, sekaligus mencapai hasrat kerajaan mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah import yang kini semakin mahal dan sukar diperoleh.

Varieti dipilih juga dijangka

mampu meningkatkan pengeluaran jagung negara ke tahap maksimum, menghampiri 10 tan per hektar pada setiap musim penanaman.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata mereka sudah bekerjasama dengan sebuah agensi penyelidikan di Argentina dan membuat penilaian sebelum menyenaraikan tiga varieti jagung itu.

Katanya, antara aspek utama varieti jagung itu diteliti adalah kemampuan tumbuhan itu bertahan dengan iklim dan cuaca Malaysia berikutan perladangan jagung sensitif dengan cuaca, proses kematangan singkat serta hasil pengeluaran yang baik.

"Sejak enam hingga tujuh tahun kebelakangan ini, kita melakukan penyelidikan bersama sebuah agensi di Argentina dan menyenaraikan beberapa varieti jagung untuk diperluaskan penanaman di negara ini.

"Apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyatakan hasrat mengeluarkan dasar baharu dalam penanaman jagung, maka penyelidikan MARDI juga dipercepatkan dan kita syorkan tiga varieti jagung ini kepada kerajaan untuk diperluaskan penanamannya," katanya kepada *BH*, baru-baru ini.

Ketika ini, hampir 100 peratus keperluan memproses makanan unggas khususnya ayam, diimport dari luar negara dan industri penternakan memerlukan sekurang-kurangnya empat tan jagung bijian setahun untuk menampung keperluan itu.

Susulan itu, MAFI akan menggubal dasar baharu khusus bagi menggalakkan penanaman jagung, bertujuan mempertingkatkan sumber makanan negara serta bahan mentah untuk penghasilan makanan ayam.

Mengulas lanjut, Mohamad Zabawi berkata, meskipun MARDI mempunyai varieti ja-

gung yang dihasilkan sendiri, kesesuaian untuk pertanian besar-besaran turut menjadi faktor varieti luar negara dipilih bagi dikemukakan dalam industri pertanian Malaysia.

"Menurut kajian MARDI, tiga varieti dipilih ini mampu menghasilkan pengeluaran antara tujuh hingga 10 tan jagung bagi setiap hektar pada setiap musim.

"Jika setahun negara mampu menghasilkan tiga musim penanaman, maka pengeluaran jagung bijian akan lebih besar dan mampu memenuhi sektor makanan negara khususnya dalam penghasilan makanan ayam," katanya.

BH difahamkan, penanaman jagung negara mungkin boleh mencecah tiga kali setahun bergantung kepada cuaca dan musim kering, namun dijangkakan penanaman akan dilaksanakan mengikut setiap empat bulan atau lima kali untuk tempoh dua tahun.

Musim kering dan musim hujan mempengaruhi penanaman jagung kerana jika ia matang pada musim hujan, tanaman itu tidak sesuai untuk dituai kerana dibimbangi akan dijangkiti kulat dan menyebabkan pencemaran Aflatoxins yang berbahaya kepada manusia.

Mohamad Zabawi berkata, selain memperkenalkan tiga varieti jagung itu, MARDI sedang melaksanakan kajian baja organik untuk disesuaikan bagi penanaman jagung secara besar-besaran.

“Apabila MAFI menyatakan hasrat mengeluarkan dasar baharu dalam penanaman jagung, maka penyelidikan MARDI juga dipercepatkan dan kita syorkan tiga varieti jagung ini kepada kerajaan untuk diperluaskan penanamannya”

Mohamad Zabawi Abdul Ghani,
Ketua Pengarah MARDI



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU KELANTAN	26

RM1 juta bantu petani, penternak terjejas banjir

MARANG - Kerajaan negeri Terengganu meluluskan bantuan saguhati RM1 juta kepada lebih 400 petani, penternak dan pengusaha ikan sangkar negeri ini yang terjejas akibat banjir besar baru-baru ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, bantuan dari Tabung Bencana Pertanian itu akan diagihkan kepada penerima secara terus ke dalam akaun dalam masa terdekat.

Menurutnya, sektor pertanian Terengganu mengalami kerugian sebanyak RM12.9 juta akibat banjir dan bayaran sagu hati itu merupakan insentif dan motivasi untuk warga petani dan penternak kembali bangkit memulakan bidang masing-masing selepas diuji dengan musibah.

"Bantuan ini adalah sekitar 10 peratus jumlah kerugian ke bawah bergantung jenis sektor.

"Contohnya, pertanian kita beri antara RM1,000 hingga RM1,500 setiap satu hektar, kematian lembu sebanyak RM500 seekor dan bantuan ini dalam proses untuk diagihkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Pemberian Bantuan Baja Pertanian Kepada Pekebun Kecil B40 Parlimen Marang yang disempurnakan Ahli Parlimen Marang, Tan Sri Abdul Hadi Awang di Dewan Tok Guru, Rusila di sini pada Selasa.

Sementara itu, Dr Azman berkata, banjir besar yang melanda bulan lalu menyebabkan lebih 404 hektar kawasan tanaman kontan seperti sayur di Terengganu rosak ditenggelami air dan sebahagian besar kawasan tersebut diusahakan dengan tanaman tembikai.

Sehubungan itu, beliau berkata, harga runcit buah tembikai dijangka meningkat kepada lebih RM2 sekilogram pada Ramadan ini kerana kekurangan bekalan.

"Kita jangka ada kenaikan harga sebab ia berkait rapat dengan penawaran dan permintaan. Insya-ALLAH bekalan sayur cukup sepanjang Ramadan ini.

"Walaupun kita mungkin kekurangan bekalan kerana kemusnahan kawasan tanaman kontan namun penyalaraan untuk membawa masuk bekalan sayur dari luar Terengganu sudah dibuat bagi menampung permintaan rakyat sepanjang bulan puasa nanti," katanya.



Dr Azman (dua dari kanan) mengiringi Abdul Hadi (tiga dari kiri) menyampaikan bantuan baja pertanian kepada pekebun kecil di Marang pada Selasa.

KERJASAMA BALADNA, FGV & FELCRA

Pertingkat industri tenusu tempatan

Kuala Lumpur: Memorandum Kerjasama (MOC) antara Baladna Dairy Facility yang berpangkalan di Qatar dengan FGV dan Felcra Bhd yang ditandatangani pada 2019 membolehkan hasil dengan pembangunan projek tenusu berskala besar di Lembah Chuping, Perlis.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, berdasarkan

kerjasama strategik itu, ia menyediakan peluang besar kepada Malaysia dan Qatar untuk meningkatkan nilai industri makanan Malaysia dan serta memastikan keselamatan makanan di rantau ini.

"Di bawah usaha sama menarik Baladna, FGV Holdings Bhd dan Felcra, kerjasama ini membawa pelaburan, kepakaran dan teknologinya untuk meningkatkan pengeluaran susu segar

semasa Malaysia selaras dengan Agenda Keselamatan Makanan Nasional kami yang bertujuan mengurangkan pergantungan Malaysia terhadap import tenusu.

"Pada masa sama, pelaburan RM2 bilion mewujudkan lebih 2,000 peluang pekerjaan dan meningkatkan daya saing industri tenusu tempatan," kata Mohamed Azmin menerusi catatan di akaun Twitternya,

Terdahulu, Perdana Men-

teri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Mohamed Azmin melawat Fasiliti Tenusu Baladna yang canggih, yang juga salah satu ladang lembu terbesar di Qatar.

Mohamed Azmin berkata, Kemudahan Tenusu Baladna yang berkeluasan lebih dua juta meter persegi mempunyai kapasiti untuk memproses 24,000 ekor lembu dalam persekitaran yang selesa dan berhawa dingin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/3/2022	HARIAN METRO	LOKAL	9

Angkara nelayan!

Punca ribuan bangkai ikan pias ditemukan terdampar di gigi pantai Sungai Tuang, Telok Gong

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Masjid Tanah

Tindakan nelayan membuang kembali ikan pias yang terkena pukut mereka ke laut menyebabkan ia ditemukan terdampar di gigi pantai Sungai Tuang dan Telok Gong dekat sini.

Perkara itu disahkan Jabatan Perikanan Melaka selepas analisa dibuat terhadap bangkai ikan itu.

Pengarahnya, Mohd Fauzi Salehon berkata, nelayan bertindak membuangnya ke laut selepas pukut mereka terkena ikan itu dalam jumlah yang banyak.

Menurutnya, hasil analisis tiada kesan minyak ditemukan oleh itu ia bukan disebabkan pencemaran.

"Semua bangkai ikan yang ditemukan di pantai itu dalam keadaan mulut terbuka dipercayai akibat tersangkut pada pukut nelayan.

"Oleh sebab ikan itu terlalu banyak sangkut pada pukut, nelayan terpaksa membuangnya ke laut sebelum dibawa ombak ke gigi pantai.

"Ikan tersebut mungkin dibuang ke laut sekurang-kurangnya satu atau dua minggu lalu dan me-



Semua bangkai ikan yang ditemukan di pantai itu dalam keadaan mulut terbuka dipercayai akibat tersangkut pada pukut nelayan"

Mohd Fauzi Salehon

nyebabkan ia berbau busuk," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau menjelaskan, ikan pias tidak mempunyai nilai di pasaran kerana mempunyai tulang yang banyak dan menyukarkan pengguna memakannya.

Selain itu, rasanya yang tidak enak menyebabkan ia bukan ikan pilihan pengguna.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di lokasi semalam mendapati jumlah bangkai ikan semakin berkurangan selepas dibawa ombak.

Dalam kejadian petang Ahad, beribu-ribu bangkai ikan pias ditemukan terdampar di gigi pantai, membabitkan kawasan sepanjang dua kilometer dari Sungai Tuang hingga Telok Gong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2022	KOSMO	NIAGA	38



ABDUL RAZAK (dua dari kiri) menerima anugerah daripada Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak di Menara SSM KLICC, Kuala Lumpur baru-baru ini.

PPK Kuala Langat menang projek pengurusan hijau terbaik

KUALA LANGAT – Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat yang terkenal dengan pengeluaran cili merah, penternakan dan lain-lain produk pertanian menerima anugerah Projek Terbaik dalam Green Project Management (GPM) bagi kategori Pengeluaran dan Pemasaran Hasil Ladang baru-baru ini.

Menurut Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbolah, kejayaan tersebut membuktikan kerja keras para peladang dan pentadbiran PPK Kuala Langat selama ini mendapat perna-

tian pelbagai pihak. "Kami bukan sahaja memasarkan hasil pertanian seperti cili merah, malah mempunyai aktiviti pemasaran hasil ternakan lembu untuk tujuan korban yang memberi keuntungan merangsangkan," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Teluk Panglima Garang semalam.

Terdahulu, Abdul Razak menerima anugerah tersebut pada majlis di Menara SSM KLICC, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Abdul Razak berkata, anugerah tersebut diharapkan mampu menyuntik semangat kepada ahli-ahli PPK Kuala Langat untuk terus produktif dalam mengeluarkan hasil pertanian selepas dua tahun diuji dengan pandemik Covid-19.

Malaysia GPM Sustainability Awards diadakan bagi mengiktiraf individu dan institusi seperti sekolah, kolej, politeknik, universiti, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi kerajaan yang telah menyumbang kepada pelbagai projek kelestarian untuk negara.

Kebun Kita tingkat hasil industri tani dan ternak

UNIVERSITI Malaysia melalui Fakulti Sains menjalinkan kerjasama dengan Patriots Food Network (Kebun Kita) dalam menghasilkan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) makanan ternakan berkualiti tinggi yang mampan untuk industri ternakan.

R&D bernilai RM4 juta itu akan berfokuskan kepada mengkaji serta memasarkan makanan ternakan ruminan berasaskan zat nutrisi dari beg medium cendawan kukur.

Ketua Penyelidik, Dr. Muhamad Shaikiran Mispan berkata, kajian menumpukan kepada potensi memanfaatkan

penggunaan sisa-sisa yang bersifat kaya nutrisi daripada industri pertanian cendawan kukur dalam peningkatan pertumbuhan dan kualiti makanan ternakan.

"Cendawan kukur (*Schizophyllum commune*) diketahui mempunyai pelbagai khasiat perubatan

Kebun Kita

dan penggunaan sisa-sisa cendawan kukur mempunyai potensi tinggi untuk meningkatkan kualiti makanan ternakan dengan ketara.

"Kami berharap penyelidikan ini akan menjadi pemangkin dalam membolehkan kaedah organik yang lebih mampan untuk mengusahakan makanan ternakan untuk meningkatkan nilainya," katanya.

Kerjasama itu ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UM, Profesor Ir. Dr. Shaliza Ibrahim dan Ketua Pegawai



R&D bernilai RM4 juta itu akan berfokuskan kepada mengkaji serta memasarkan makanan ternakan ruminan berasaskan zat nutrisi dari beg medium cendawan kukur. - GAMBAR HIASAN

Eksekutif Kebun Kita, Mohamad Jamalee Basah baru-baru ini. Sementara itu, Kebun Kita berperanan menumpukan

kepada pengeluaran cendawan kukur secara komersil dengan purata dua hingga empat tan setahun di Pusat Penyelidikan

Bioteknologi Glami Lemi UM di Jelebu.

Kapasiti tersebut bertujuan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan spesies cendawan berkenaan selain menerokai pehang pasaran eksport.

Jamalee berkata,

cendawan kukur mempunyai potensi yang tinggi melalui permintaan yang semakin meningkat terhadap sayuran berkenaan sejak beberapa tahun lepas.

"Kajian dilaksanakan institusi pendidikan, haruslah digandingkan dengan pengalaman pemain industri supaya kebolehpasaran kajian dapat dilaksanakan, bukan sahaja di peringkat domestik, malah pada peringkat antarabangsa,

"Kebun Kita berharap kerjasama ini menjadi tolak kepada lebih banyak kerjasama di antara institusi pendidikan dan pemain industri terutamanya dalam industri tani dan ternak," ulasnya.